

NO. SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

**TARIKH :** 14 NOVEMBER 2017

**RUJUKAN :** 10326

**SOALAN :**

**Datuk Raime Bin Unggi [Tenom]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kajian semula skim gaji dan kebajikan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai usaha membendung gejala rasuah dan salah guna kuasa serta wujudkan elauan baharu kepada anggota PDRM yang menampung kerja yang terlalu banyak, risiko pekerjaan dan kadar tekanan yang tinggi.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan membuat perancangan untuk menyediakan kemudahan perumahan, keselesaan tempat bekerja dan menyemak semula elaun-elaun anggota PDRM sedia ada atau memperkenalkan elaun-elaun baharu selaras dengan beban tugas yang semakin bertambah dan malah tidak lagi kompetitif dengan suasana kehidupan kini.**

**Kerajaan telah mengambil inisiatif menambah baik sistem gaji khusus bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM dengan memperkenalkan Sistem Saran Transformatif (SST) berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 yang mana gred gaji ATM dan PDRM diseragamkan dan menjadikan ia lebih berdaya saing dan sama taraf dengan penjawat awam lain.**

**Isu gaji kecil bukan faktor pendorong utama (*sole factor*) kepada penglibatan anggota PDRM dalam gejala tidak berintegriti seperti rasuah dan salah guna kuasa. Statistik penglibatan anggota PDRM dalam gejala rasuah bagi tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanya 187 kes atau 0.15% daripada keseluruhan keanggotaan dalam PDRM. Penglibatan anggota dalam kes sedemikian lebih terdorong kepada desakan peribadi yang ingin hidup mewah, berbelanja di luar kemampuan seperti membeli kereta, pakaian dan perabot rumah**

yang berjenama dan mahal menyebabkan pendapatan dan perbelanjaan menjadi tidak seimbang.

Walau bagaimanapun, Kementerian sedar dan prihatin tentang peningkatan kos sara hidup masa kini yang membebankan penjawat awam termasuk anggota PDRM. Pengurusan PDRM telah mengemukakan pelbagai cadangan untuk meringankan perbelanjaan harian anggota PDRM antaranya kenaikan kadar elaun yang diterima ketika ini atau memperkenalkan elaun baharu untuk pertimbangan pihak berwajib. PDRM juga telah mencadangkan 13 jenis elaun untuk diselaraskan semula kepada Kerajaan sesuai dengan beban tugas kini.

Pada masa sama, Kementerian juga menyedari tentang komitmen Kerajaan membangunkan negara serta membantu rakyat miskin dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu pada ketika ini. Semestinya senario ini memberikan impak besar kepada Kerajaan untuk menguruskan perbelanjaan negara.